

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH
WAN ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ringkasan Belanjawan 2020 yang diunjur semula merangkumi Pendapatan, Belanja Operasi, Belanja Pembangunan, Lebihan/Defisit Keseluruhan, KDNK (nominal), dan Peratusan Defisit Keseluruhan, berikutan wabak COVID-19 dan pakej rangsangan serta perbandingannya dengan Belanjawan 2020 asal yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 sebanyak RM244.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil cukai dianggar sebanyak RM189.9 bilion atau 77.7% daripada keseluruhan hasil, manakala hasil bukan cukai berjumlah RM54.6 bilion atau 22.3%. Perbelanjaan mengurus diperuntukkan sebanyak RM241 bilion manakala perbelanjaan pembangunan sebanyak RM56 bilion. Sehubungan itu, kedudukan defisit diunjur pada paras 3.2% daripada KDNK.

2. Susulan penularan pandemik COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk membantu rakyat yang terkesan dan

perniagaan yang terjejas serta menyokong pemulihan pertumbuhan ekonomi negara. Namun, pakej dan pelan berkenaan hanya melibatkan suntikan fiskal berjumlah RM45 bilion. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi merangsang dan memulihkan ekonomi, kedudukan defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.

3. Kerajaan juga sedang meneliti dan memantau secara menyeluruh persekitaran ekonomi global dan harga minyak mentah dunia yang tidak menentu. Kedudukan kewangan tahun 2020 yang disemak semula akan dibentangkan bersekali dengan anggaran kedudukan kewangan tahun 2021 dalam Belanjawan 2021 yang dijadualkan pada 6 November 2020.

4. Semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi tersebut adalah bersifat *one-off* dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini adalah antara strategi Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkat dan mempelbagaikan kutipan hasil serta menambah baik kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.